

Najib rayu keputusan Mahkamah Tinggi

BH- 8/2/2019 m/s/18

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak merayu keputusan Mahkamah Tinggi membenarkan pendakwaan menarik balik sijil bagi memindahkan kes pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram membabitkan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd yang dihadapinya.

Sijil pemindahan kes itu dikemukakan pendakwaan sebelum ini dalam permohonannya untuk memindahkan kes terbabit yang disebut di Mahkamah Sesyen untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

Dalam prosiding di Mahkamah Rayuan semalam, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib, berkata tindakan menarik balik sijil pemindahan itu menjadikan tiga tuduhan pecah amanah, satu tuduhan menyalahgunakan kedudukan dan tiga tuduhan pengubahan wang haram membabitkan SRC International Sdn Bhd dihadapi Najib kini ter-

batal dan tidak sah.

Muhammad Shafee berkata, apabila sijil pemindahan itu mengikut Seksyen 418(A) Kanun Acara Jenayah (KAJ) ditarik balik, ia akan memberikan kesan kepada keseluruhan prosiding kes berkenaan.

Peguam itu berkata, malah Peguam Negara, Tommy Thomas ketika memaklumkan kepada mahkamah mengenai penarikan balik sijil itu pagi semalam menzahirkan keraguan sama ada pemindahan itu kini adalah sah atau sebaliknya.

“Kami berhujah, sebaik saja sijil pemindahan kes ke Mahkamah Tinggi berkenaan ditarik balik, tidak ada lagi sebarang prosiding yang wujud di Mahkamah Tinggi kerana ia hendaklah dikembalikan ke Mahkamah Sesyen (di mana Najib mula dituduh). Pendakwaan tidak boleh menarik balik sijil pemindahan itu begitu saja tanpa menerima kesannya.

“Oleh itu, kami memfailkan notis rayuan terhadap keputusan Mah-

kamah Tinggi membenarkan permohonan pendakwaan menarik balik sijil pemindahan kes itu, dan kami turut menyertakan sijil perakuan supaya rayuan itu didengar dengan segera. Rayuan ini membabitkan persoalan sama ada keseluruhan prosiding di Mahkamah Tinggi sah atau tidak,” katanya.

Rayuan asas

Muhammad Shafee berkata, rayuan asas itu perlu didengar terlebih dahulu sebelum Mahkamah Rayuan boleh mendengar rayuan tiga permohonan interlokutori difailkan anak guamnya yang ditetapkan bagi pendengaran semalam.

Rayuan itu berkaitan permohonan pembelaan supaya pihaknya dikemukakan surat perlantikan Datuk Sulaiman Abdullah yang dilantik sebagai timbalan pendakwa raya kanan dalam kes itu, perintah larangan bagi menghalang media dan orang ramai membicarakan merit kes dan permohonan mendapatkan dokumen kes.

Muhammad Shafee berkata, pihaknya juga akan memfailkan rayuan pada Isnin ini untuk menangguhkan perbicaraan kes yang dijadualkan pada Selasa ini.

Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali dalam keputusannya membenarkan permohonan pendakwaan untuk menarik balik sijil pemindahan bagi tujuh tuduhan membabitkan dana SRC International yang dikenakan terhadap Najib.

Hakim itu kemudian memutuskan menggunakan budi bicaranya untuk mendengar tujuh tuduhan berkenaan di Mahkamah Tinggi.

Sementara itu, Tommy berhujah, rayuan interlokutori Najib tidak ada kena mengena dengan rayuan bekas Perdana Menteri itu berhubung sijil pemindahan kes.

Tommy turut mempersoalkan permohonan Muhammad Shafee untuk menangguhkan rayuan interlokutori yang dilihat usaha untuk menangguhkan perbicaraan kes yang sudah ditetapkan sebe-

lum ini.

Katanya, prosiding kes berkenaan dari 4 Julai lalu (kali pertama didakwa) sehingga semalam adalah sah.

“Kami tidak mahu rayuan ini dijadikan sebagai asas untuk menangguhkan perbicaraan kes,” katanya.

Selepas mendengar hujahan kedua pihak, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan diketuai Datuk Kamardin Hashim menangguhkan prosiding rayuan tiga permohonan interlokutori dan menetapkan pendengaran pada 11 Mac depan.

Sementara itu, Muhammad Shafee ketika ditemui selepas prosiding, berkata pihaknya memohon prosiding ditangguhkan kerana Mahkamah Rayuan perlu memutuskan isu asas.

Beliau turut mempersoalkan sama ada perlu bagi Mahkamah Rayuan mendengar tiga rayuan interlokutori semalam jika ia kemudian memutuskan bahawa keseluruhan prosiding adalah terbatal.